



Rujukan : ANM(OC) 07/7 Jld.6 ( 24 )

Tarikh : 10 Julai 2007

Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Pengarah Cawangan  
Jabatan Akauntan Negara

Ketua Akauntan  
Jabatan Mengakaun Sendiri

Tuan/Puan,

#### PERIHAL BAUCAR BAYARAN (BB)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan pejabat perakaunan/PTJ/pelanggan (agensi, individu dan pembekal) menghadapi masalah untuk mengesan bayaran yang diterima secara EFT kerana maklumat yang dicatatkan pada medan perihal baucar bayaran tidak lengkap/tepat menyebabkan perihal bayaran di penyata bank penerima tidak dapat memberikan maklumat yang dikehendaki. Mesyuarat Mengenai Perihal Baucar Bayaran telah memutuskan bahawa maklumat **perihal baucar bayaran eSPKB/manual** hendaklah tepat seperti yang diperlukan oleh penerima bayaran. Oleh itu, tuan/puan diminta memaklumkan kepada setiap PTJ untuk mengambil tindakan berikut :-

##### 2.1. PTJ Yang Memberi Perkhidmatan

PTJ yang mengenakan bayaran untuk perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan (samaada individu/badan kerajaan/swasta) mestilah mewujudkan Nombor Rujukan untuk dicatitkan dalam penyata tuntutan/invois yang dikeluarkan. Nombor Rujukan tersebut hendaklah mengandungi maklumat kod jabatan, kod PTJ dan nombor invois yang dihadkan 20 aksara (maksima) seperti berikut :-

Kod Jabatan	: 3 aksara	} PTJ yang memberi perkhidmatan
Kod PTJ	: 6 aksara	
No Invois	: *	

\* Bilangan aksara nombor invois yang diwujudkan hendaklah mengikut kesesuaian PTJ **dengan syarat kombinasi Kod Jabatan, PTJ dan Invois tidak melebihi 20 aksara termasuk space bar**. Nombor siri invois adalah di bawah kawalan PTJ masing-masing.

Contoh :-

Nombor Rujukan : 2310101001

Kod Kod PTJ No. Invois  
Jab

## 2.2. PTJ Yang Membuat Bayaran

### i. Bayaran Kepada Agensi Kerajaan

Catat Nombor Rujukan pada medan perihal baucar bayaran eSPKB/ manual dan diikuti dengan kenyataan bayaran berkenaan.

Contoh :-

Institut Perakaunan Negara (IPN) mengemukakan surat tuntutan bayaran **Kursus PTK 4** yang telah diadakan pada bulan **April 2006** kepada Bahagian Kewangan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA) bagi anggotanya yang menghadiri kursus tersebut. Perihal baucar bayaran yang perlu disediakan oleh KEKWA seperti contoh berikut :-

Perihal : 2310101001PTK4/06

Nombor rujukan      Kenyataan bayaran

### ii. Bayaran Kepada Individu/Panjar

Catitkan ringkasan ayat yang sesuai untuk menerangkan perihal bayaran diikuti bulan dan tahun yang tidak melebihi **20 aksara**.

Contoh:-

- a) Tuntutan perjalanan bulan Mac : T&T 03/07
- b) Rekupmen Panjar Wang Runcit bulan Mac 2007 : PWR 03/07
- c) Elaun Penceramah bulan Mac 2007 : CER 03/07

### iii. Bayaran Kepada Pembekal

Catat Nombor invois, sebaik-baiknya diikuti dengan bulan dan tahun invois dikeluarkan. Contoh : Bayaran invois A12345 yang bertarikh 10 Mei 2007 bagi sewaan canopy untuk Program Hari Bersama Pendengar. Catatan yang perlu dibuat di medan perihal bayaran adalah seperti contoh berikut :-

Perihal : A12345/10052007

3. Adalah dimaklumkan maklumat 20 aksara pertama yang dicatatkan pada medan perihal BB sahaja yang akan ditunjukkan pada penyata bank penerima bayaran (beneficiary bank). Walaubagaimana pun, untuk tujuan rujukan PTJ, selepas mencatatkan perihal 20 aksara tersebut pada BB, mereka dibenarkan untuk mencatatkan perihal bayaran sehingga 80 aksara (jumlah 100 aksara), seperti contoh berikut :-

**Perihal BB : A12345/10052007 - Bayaran sewaan canopy untuk Program Hari Bersama Pendengar Bil 2/2007.**

4. Justeru itu, mulai pada **15 Julai 2007** tuan/puan hendaklah **menolak baucar bayaran** yang tidak mencatatkan perihal bayaran seperti yang ditetapkan dalam arahan ini. Pejabat perakaunan hendaklah memastikan maklumat perihal bayaran bagi baucar manual dikunci masuk dengan tepat dalam skrin GFMS. Sila rujuk contoh perihal bayaran mengikut agensi seperti di **Lampiran A**.

5. Disamping itu, pejabat perakaunan diminta untuk melarikan SM35 dan mencetak **Laporan Kredit Di Penyata Bank Tiada Di Buku Tunai** bagi urusniaga yang tidak dapat dipadankan mengikut kod Jabatan dan PTJ. Berpandukan kepada **nombor rujukan** pada laporan tersebut pejabat perakaunan hendaklah memaklumkan kepada PTJ berkenaan untuk menyediakan penyata pemungut.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
*'Integriti Teras Kecemerlangan Organisasi'*

Saya yang menurut perintah,

( **SAFIEE BIN MOHD YUSOFF** )

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Cawangan

Salinan kepada :

1. Y. Bhg Dato' ANM
2. TAN(O)
3. Pengarah BPOPA
4. Pengarah BPTM
5. Pengarah EGAG

## PERIHAL BAYARAN UNTUK AGENSI

BIL	AGENSI	CATATAN PERIHAL	CONTOH	CATATAN
1.	Tenaga Nasional Berhad	Nombor Akaun	Bil elektrik No. Akaun: 14 aksara Perihal : 01300006749008	
2.	Telekom Malaysia Berhad	No. Akaun dan Kod Hasil	Bil telefon No. Akaun: 13 aksara Kod Hasil: 3 aksara Perihal : A500190883603/014 Jumlah aksara: 17 (termasuk /)	
3.	Petronas Berhad	Dagangan Nombor Akaun	Bil bekalan minyak No. Akaun: 5 atau 7 aksara Perihal : 03856 atau 1234567	Hanya untuk bayaran bil Kod Inden Smartpay Petronas sahaja.
4.	Indah Water Konsortium Sdn Bhd	Nombor Akaun Pembentungan	Bil Perkhidmatan Pembentungan. No. Akaun: 8 aksara Perihal : 52700523	
5.	Maxis Collections Sdn Bhd	Nombor Akaun atau nombor handphone	Bil telefon bimbit No. Akaun: 9 aksara Perihal : 123456789	
6.	TM Net Sdn Bhd	No. Akaun dan Kod Hasil	Bil Multimedia No. Akaun: 13 aksara Kod Hasil : 3 aksara Perihal : A500190883603/688 Jumlah aksara: 17 (termasuk /)	Hanya untuk bayaran bil Internet sahaja.
7.	Air Kelantan Sdn Bhd	Nombor Akaun	Bil Air No. Akaun: 16 aksara (termasuk space bar) Perihal : 1017714 01017713	
8.	Lembaga Air Perak	Nombor Akaun	Bil Air No. Akaun: 16 aksara Perihal : 174309351P780934	



BIL	AGENSI	CATATAN PERIHAL	CONTOH	CATATAN
9.	Pharmaniaga Logistic Sdn Bhd	Customer Code dan LPO No.	Bil bekalan perubatan Customer Code: 4 aksara LPO No: 4 aksara  Perihal : 1066/7276  Jumlah aksara: 9 (termasuk /)	
10.	Pos Malaysia Bhd	Nombor Akaun	Bil pos laju No. Akaun: 10 aksara  Perihal : 8800001234	Hanya untuk bayaran bil perkhidmatan Pos Laju sahaja.
11.	Sabah Electricity Sdn Bhd	Nombor Akaun dan tarikh bil	Bil elektrik pada bulan Februari 2007  No. Akaun: 8 aksara Tarikh Bil: 6 aksara  Perihal : 07090483/022007  Jumlah aksara : 15 (termasuk /)	
12.	Celcom M (Bhd)	Nombor Akaun dan nombor telefon bimbit	Bil Celcom No. Akaun: 8 aksara No. Tel Bimbit: 10 aksara  Perihal: 15128345013-3919600  Jumlah aksara: 19 (termasuk -)	
13.	SuperKad Services Sdn Bhd	Nombor Akaun	Bil Pembelian Petrol  No. Akaun : 6 aksara Pelanggan  Perihal : 690672	
14.	Spanco Sdn Bhd	Nombor Invois	Bil Spanco  No. Invois : 8 aksara  Perihal : 10023408	
15.	Syarikat SESCO Berhad	i. Bil Elektrik -Contract Account No -Tarikh Statement  ii. Connection Chargers Bil - Ref. No -Bill Document No	i. Bil Elektrik -Cont. Acc. No - 12 aksara -Tarikh STMT - 8 aksara  Perihal: 20117064810327032007 Jumlah aksara : 20  ii. Connection Chargers Bil - Ref. No. - 9 aksara - Bill Doc. No. - 10 aksara  Perihal: KUC061172/1400055678  Jumlah aksara - 20 (termasuk /)	
16.	Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd	Nombor Akaun	Bil Air  Nombor Akaun : 14 aksara  Perihal : 05042159921993	